



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN
BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA
ORGANISASI DAN PERANANNYA DALAM MASYARAKAT

INTERNATIONAL ISLAMIC
UNIVERSITY LIBRARY

ORDER NO: *G1/F* LOCATION:
DATE RECEIVED: *6/9/92* *M*

ACC. NO: 128766

CALL NO:

OLEH

MURSHIDI BIN JAYA

KERTAS PROJEK INI IALAH SATU LATIHAN
ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
PADA SESI 1991/92

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA, MALAYSIA
(MAC, 1992)

ABSTRAK

Dalam kajian Latihan Ilmiah ini, penulis membahagikan kepada empat bab yang diakhiri dengan penutup. Objektif utama penulisan ini ialah untuk melihat gambaran sedikit sebanyak tentang organisasi dan peranan penubuhan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Dalam bab pertama, merupakan satu perbincangan ringkas mengenai fatwa yang ditinjau dari segi pendefinisian dan sejarah perkembangan serta kedudukannya dalam Perundangan Islam. Di samping itu dikemukakan juga tentang pandangan para ulamak berkenaan syarat perlantikan seseorang mufti dan bahagian-bahagiannya, serta hukum berfatwa dan cara untuk mendapatkannya.

Dalam bab kedua mengutarakan tentang Perundangan Islam di Malaysia yang ditinjau dari sejarah kedatangan Islam dan perlaksanaannya sebelum merdeka serta kedudukannya pada masa kini. Penulis mengemukakan juga Jabatan-jabatan dan Badan-badan yang mengendali dan mentadbirkan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Dalam bab ketiga, penulis cuba melihat tentang organisasi Jawatankuasa Fatwa tersebut yang disentuhkan juga sejarah penubuhan serta pengendalian pentadbirannya. Ia juga ditinjau dari segi peranan Jawatankuasa Fatwa tersebut dalam mengendalikan urusan fatwa dan autoritinya di Malaysia serta sebahagian dari contoh-contoh fatwa yang pernah dikeluarkan.

Bab keempat yang merupakan sebagai bab penutup, penulis mengemukakan analisa, saranan dan cadangan yang perlu serta kesimpulan keseluruhannya.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji-pujian, kemuliaan, kebesaran dan keagungan hanya menjadi milik Allah subhanahu wa Taala, Yang Mempunyai Sifat al-Rahman al-Rahim. Salawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad ibnu Abdullah Sallallahu Alaihi Wassalam, para Anbiya', Sahabat-sahabat dan seterusnya kepada tabi'in dan mereka yang berjuang untuk menegakkan kalimah Allah di muka bumi ini.

Alhamdulillah, dengan izin Allah dan limpah rahmatNya, penulis dapat menyiapkan kajian Latihan Ilmiah ini yang bertajuk "Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, organisasi dan peranannya dalam masyarakat". Maka dengan itu, sesungguhnya apa juga bentuk pertolongan dan bantuan, sama ada disumbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan juga orang-orang perseorangan yang membantu untuk menjayakan kajian ini akan tetap menjadi ingatan dan kenangan manis yang tidak ternilai harganya, yang sukar rasanya penulis membalasnya. Segala-galanya penulis serahkan pada Yang Maha Esa untuk menilaikannya.

Dengan sumbangan bakti yang berupa kerjasama inilah yang telah turut menjayakan penyiapan Latihan Ilmiah ini.

Terlebih dahulu penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada guru-guru dan terutamanya penyelia Latihan Ilmiah ini iaitu yang mulis Dr. Muhammad Ariffin yang banyak memberi nasihat, sumbangan, bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini.

Terima kasih banyak-banyak penulis aturkan kepada Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Ugama), Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Islam di Pusat Islam, Kuala Lumpur dan kepada orang perseorangan terutamanya; Yang Mulia Ustaz Hashim Yahya dan Puan Saimah bt. Mukhtar pegawai di Pusat Islam yang telah banyak membantu penulis dalam menyediakan bahan-bahan yang diperlukan.

Dalam kesempatan ini, penulis juga ingin menunjukan penghargaan ini kepada isteri tersayang, Rosnah yang banyak berkorban demi kejayaan penulis, serta seisi keluarga penulis di mana saja berada yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada penulis untuk berjaya dalam hidup, terutama kepada ayahanda Haji Jaya, bonda Hajjah Mass, Kakak, Abang dan Adik-adik semoga kita sentiasa di bawah lindungan Illahi Yang Maha Esa.

Akhir kata, penulis juga ingin mengucapkan
berbanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan dan teman-
teman seperjuangan, terutamanya yang mulia Encik Zul Usop
yang membantu penulis untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini,
penulis doakan semoga kalian beroleh kejayaan. Kepada Allah
penulis serahkan untuk membalas segala sumbangan dan bakti
kalian.

Wassalam.

Murshidi bin Jaya (G 911935)
94, Kampung Igan,
96009 Sibu, Sarawak.

@
75, Jalan Masjid Baru,
Lorong 2,
96100 Sarikei, Sarawak

Diploma Undang-Undang Dan
Pentadbiran Kehakiman Islam,
Universiti Islam Antarabangsa,
Malaysia.

16hb. Mac, 1992
11hb. Ramadhan 1412

KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	vi
PENDAHULUAN	x

BAB I

FATWA DARI PANDANGAN ISLAM

1.1	Definisi Fatwa	1
1.2	Sejarah Fatwa	4
1.3	Kedudukan fatwa dalam Perundangan Islam	14
1.4	Syarat Fatwa	19
1.4.1	Mufti dan bahagiannya	21
1.4.2	Perlantikan Mufti	27
1.5	Hukum berfatwa	30
1.6	Cara untuk mendapatkan fatwa, melalui	32
1.6.1	Pertanyaan	33
1.6.2	Penjelasan ulamak	36

BAB II

PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA

2.1	Sejarah kedatangan Islam ke Malaysia	44
2.2	Kedudukan Perundangan Islam di Malaysia masa kini	49
2.3	Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri	55
2.4	Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri	64
2.5	Mahkamah Syariah	73

BAB III

ORGANISASI DAN PERANAN JAWATANKUASA FATWA

MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

3.1	Sejarah Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan	85
3.2	Organisasi dan Struktur Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan	88

3.3	Pentadbiran Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan	92	✓
3.4	Prosedur mengeluarkan fatwa	95	✓
3.5	Autoriti fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan	99	✓
3.6	Penyelarasan Fatwa di Malaysia	105	✓
3.7	Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia	109	✓

BAB IV

PENUTUP

4.1	Analisa	119	
4.1.1	Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam di Malaysia	121	✓
4.1.2	Pentadbiran Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia	125	✓
4.1.3	Peranan pihak Kerajaan	127	
4.1.4	Fatwa-fatwa yang dikeluarkan	129	

4.2	Cadangan dan Saranan	131
4.3	Kesimpulan	137

BIBLIOGRAFI	143
LAMPIRAN A	149
LAMPIRAN B	154 3
LAMPIRAN C	154 4
LAMPIRAN D	158 158
LAMPIRAN E	163 163

PENDAHULUAN

Sumber Perundangan Islam yang utama dan disepakati oleh para ulamak ialah al-Quran, al-Hadith, al-Ijmak dan al-Qiyas. Manakala Fatwa pula telah memainkan peranan yang penting di dalam sejarah Perundangan Islam, walaupun ia tidak disenaraikan bersama dengan empat sumber perundangan yang disebut di atas. Daripada pentakrifan yang dikemukakan oleh para ulamak dan peranannya dalam Sejarah Perundangan Islam yang dilakukan sejak zaman Sahabat serta ulamak-ulamak yang terkemudian sehingga ke hari ini menunjukkan fatwa merupakan sebahagian dari sumber Perundangan Islam yang telah diterima.

Kedatangan dan penerimaan Islam di Malaysia telah banyak mengubah tatasusila masyarakat setempat kepada cara hidup yang lebih mulai di sisi Islam dengan meletakkan Perundangan Islam sebagai perundangan negara. Tetapi setelah kedatangan penjajah Inggeris yang ingin menguasai pentadbiran Tanah Melayu ketika itu telah mengeneipkan Perundangan Islam sebagai perundangan negara yang sebahagian daripada program penjajahan mereka. Ini telah menyebabkan Perundangan Islam yang pada suatu ketika menyinari kehidupan

masyarakat setempat semakin pudar sehinggalah negara mencapai kemerdekaan.

Keadaan tersebut berterusan sehinggalah ke hari ini, di mana Perundangan Islam hanya difahami dalam sudut yang sempit. Pentadbiran hal ehwal agama Islam terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri setakat mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Dan telah ditubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bertujuan untuk menyelaraskan serba sedikit pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia.

Salah satu badan yang bertujuan untuk menyelaraskan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia khususnya dalam masalah fatwa ialah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Skop kajian ini ialah untuk melihat organisasi dan peranan Jawatankuasa Fatwa tersebut.

i. Tujuan Kajian

Kajian ini ditinjau dari sudut organisasi dan peranannya berdasarkan kepada beberapa aspek seperti berikut ;

- i. Untuk melihat setakat mana perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai.
- ii. Untuk melihat secara lebih dekat struktur dan organisasi Jawatankuasa Fatwa yang mengendalikan urusan fatwa pada peringkat kebangsaan.
- iii. Untuk meninjau prosedur fatwa dikeluarkan dan kaedah-kaedah yang digunakan.
- iv. Untuk melihat peranan Jawatankuasa Fatwa tersebut yang bertujuan untuk menyelaraskan pentadbiran fatwa di Malaysia.
- v. Untuk melihat setakat mana keputusan fatwa yang telah dikeluarkan diamalkan dalam masyarakat.

ii. Bidang Kajian

Kajian ini yang menyentuh pandangan Islam terhadap kedudukan fatwa, sejarah Perundangan Islam di Malaysia

sebelum merdeka serta kedudukannya pada hari ini, pentadbiran hal ehwal agama Islam di Malaysia dan seterusnya Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Kajian terhadap Jawatankuasa Fatwa tersebut ditinjau dari segi organisasi dan peranannya.

iii. Metodologi Kajian

Untuk mengumpul data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini, penulis telah menggunakan dengan metodologi kajian yang berikut ;

a) Penyelidikan Perpustakaan : Metode ini digunakan untuk mendapatkan bahan-bahan yang ada kaitan dengan fatwa dari pandangan Islam dan sejarah Perundangan Islam di Malaysia sebelum merdeka serta kedudukannya pada hari ini.

b) Temubual : Metode ini digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk meninjau organisasi dan peranan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan.

BAB 1

FATWA DARI PANDANGAN ISLAM

BAB I

1.1 Definisi Fatwa.

Perkataan fatwa berasal dari perkataan Arab *fata'-yaftu'-futwan* (*فَتَى - يَفْتُو - فَتْوَى*). Fatwa atau futya yang bermakna *ifta*, ialah perkataan yang dikeluarkan oleh seseorang alim mengenai hukum-hukum yang berhubung dengan hal (masalah-masalah) syariah.¹

Menurut para ulamak fiqh dan Usul al-Fiqh memberikan pengertian fatwa dari pandangan syarak ialah penjelasan hukum Allah s.w.t. yang disertakan bersama dalil-dalil syar'i secara umum dan menyeluruh.²

Ibn Manzur pula menyatakan bahawa fatwa ialah suatu perkataan yang dikeluarkan oleh fakih berkaitan dengan sesuatu hukum atau keputusan hukum yang diperjelaskan oleh seseorang yang fakih.³ Dr. Nadiyah Sharif al-Umari memberi makna fatwa sebagai ajaz yang dikeluarkan oleh mufti untuk menjawab persoalan atau menerangkan tentang sesuatu hukum yang berkaitan dengan hukum-hukum yang bukan terdiri dari persoalan khusus.⁴ Al-Qarafi menyatakan fatwa ialah memberitahu mengenai hukum Allah s.w.t. tentang kewajiban dan keharusan.⁵

Muhammad Abu Zahrah memberi makna fatwa sebagai penjelasan hukum oleh seorang yang fakih apabila timbul persoalan yang baru.⁶ Joseph Schacht menyatakan fatwa ialah suatu pendapat tentang perundangan Islam mengenai persoalan sivil dan keagamaan.⁷ J.H. Kramers pula menyatakan fatwa ialah suatu pandangan perundangan secara formal yang dikeluarkan oleh mufti dengan menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan kepadanya sama ada oleh hakim atau seseorang individu.⁸

Idris al-Marbawi menerangkan perkataan fatwa yang berasal dari bahasa Arab dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia sebagai fatwa, ialah hukum syarak yang dikeluarkan oleh mufti.⁹ Di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, fatwa diberi makna sebagai keputusan agama yang diberikan oleh alim ulamak atau mufti mengenai sesuatu masalah.¹⁰

Di dalam al-Quran terdapat beberapa potong ayat yang berkaitan dengan fatwa. Firman Allah s.w.t. ;

1. وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِنُكُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ .

Maksudnya : "Dan mereka ninta fatwa kepadamu tentang para wanita. Katakanlah : Allah memberi fatwa kepadamu tentang mereka, dan apa yang dibacakan kepadamu dalam al-Quran." 11

2. **يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ**

Maksudnya : "Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah: Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah." 12

3. **أَفْتُونِي فِي رُؤْيَايَ**

Maksudnya : "Terangkanlah kepadaku tentang ta'bir mimpiku itu." 13

4. **فَاسْتَفْتِهِمْ أَهْمُ أَسَدٌ خَلَفًا أَمْ مِنْ خَلْقِنَا**

Maksudnya : "Maka tanyakanlah kepada mereka (musyrik Mekah) : Apakah mereka lebih kukuh kejadiannya atau yang telah Kami ciptakan itu." 14

Ayat-ayat al-Quran tersebut menerangkan bahwa fatwa ialah suatu penjelasan hukum kepada suatu masalah yang timbul yang perlu diperjelaskan, dan ia dilakukan oleh mereka yang mengetahui.

Daripada perbincangan di atas, dapatlah difahamkan bahwa fatwa ialah suatu penjelasan hukum syarak yang dilakukan oleh seseorang yang alim atau fakih mengenai permasalahan yang timbul pada sesuatu masa dan keadaan. Sesuatu fatwa yang berhubung dengan hukum syarak hendaklah disandarkan kepada sumber-sumber asal perundangan Islam yang

utama, yaitu al-Quran al-Karim dan al-Hadith, begitu juga dengan sumber-sumber perundangan yang diterima oleh ulamak-ulamak sebagai hujah dalam menjelaskan hukum. Contohnya seperti pandangan para Sahabat dan fuqahak yang tidak bertentangan dengan nas-nas yang muktabar.¹⁵

1.2 Sejarah Fatwa.

Fatwa di dalam Islam telah bermula sejak Islam diturunkan kepada umat manusia melalui Nabi Muhammad s.a.w.. Dalam hal ini Allah s.w.t. telah berfirman di dalam al-Quran mengenai ayat-ayat fatwa seperti;

1. وَيَسْتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِيهَا وَمَا يُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ .

Maksudnya : "Dan mereka minta fatwa kepadamu tentang para wanita. Katakanlah : Allah memberi fatwa kepadamu tentang mereka, dan apa yang dibacakan kepadamu dalam al-Quran." 16

2. يَسْتَفْتُونَكَ قُلِ اللَّهُ يُفْتِيكُمْ فِي الْكَلَالَةِ

Maksudnya : "Mereka meminta fatwa kepadamu (tentang kalalah). Katakanlah: Allah memberi fatwa kepadamu tentang kalalah." 17

Dalam sejarah Islam, nabi Muhammad adalah orang yang pertama sekali mengeluarkan fatwa. Fatwa yang dikeluarkan oleh baginda berlandaskan wahyu dari Allah s.w.t. dan menjadi suatu kewajiban untuk mengikutinya kerana ia sebagai sumber rujukan yang kedua selepas al-Quran.¹⁸ Fatwa yang dikeluarkan oleh Rasulullah s.a.w. tidak mengikut kehendaknya sendiri sebagaimana firman Allah s.w.t. ;

1. وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Maksudnya : "Dan tiadalah yang diucapkannya itu (al-Quran) menurut kemahuan hawa nafsunya. Ucapannya itu tiada lain hanyalah wahyu yang diwahyukan (kepadanya)." 19

2. وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Maksudnya : "Apa yang diberikan Rasul kepadamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah." 20

Kedua-dua ayat tersebut menyatakan Rasulullah s.a.w. diutuskan untuk menerangkan tentang sesuatu hukum yang perlu diikuti atau meninggal apa yang dilarang, kerana baginda adalah utusan Allah s.w.t. kepada umat manusia.

Contoh fatwa yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ialah baginda berijtihad dengan membenarkan orang-orang yang tidak berada dalam keuzuran daripada tidak menyertai peperangan Tabuk tanpa menyelidik terlebih dahulu sebabnya, Allah s.w.t. telah menurunkan ayat untuk membetulkan ijtihad Rasulullah s.a.w. dengan firmanNya :

عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَّبِعُونَ لَكَ
الَّذِينَ صَدَقُوا وَتَعْلَمَ الْكَاذِبِينَ.

Maksudnya : "Semoga Allah memaafkanmu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang), sebelum jelas bagimu orang-orang yang benar (dalam keuzurannya) dan sebelum kamu ketahui orang-orang yang berdusta." 21

Semasa hayat Rasulullah s.a.w., baginda pernah menyuruh para sahabatnya menggunakan pendapat dan ijtihad mereka sendiri ketika menghadapi sesuatu masalah yang tidak terdapat keterangan mengenainya di dalam al-Quran al-Karim dan al-Hadith sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan al-Tarmizi dari Mu'adh bin Jabal ketika beliau dihantar oleh Rasulullah s.a.w. telah bertanya kepada Mu'adh; "Bagaimana kamu menjatuhkan hukuman ketika kamu dihadapkan kepadamu mengenai sesuatu masalah?". Mu'adh menjawab; "Saya akan menghukumkannya dengan Kitab Allah". Tanya baginda lagi; Jika kamu tidak menjumpainya di dalam

Kitab Allah?". Jawab Mu'adh; "Saya akan menghukum dengan sunnah Rasulullah?". Mu'adh menjawab; "Saya akan berijtihad dengan pendapat saya sendiri tanpa berpaling daripadanya". Lalu Rasulullah s.a.w. menepuk-nepuk dada Mu'adh sambil bersabda : "Segala puji-pujian bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada utusan Rasulullah dengan apa yang diredhai oleh Rasulullah".²²

Hikmat Rasulullah s.a.w. membenarkan para sahabatnya mengeluarkan fatwa kerana selepas kewafatan baginda tiada suatu perundangan akan diturunkan lagi sehingga hari kiamat.

Selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. dan sempurnanya perundangan Islam yang diturunkan ke atas umat manusia, maka para sahabat telah memainkan peranan besar dalam penyebaran hukum-hukum Islam. Zaman sahabat bermula sejak kewafatan Rasulullah s.a.w. pada tahun kesebelas Hijrah dan berakhir pada tahun 40 hijrah setelah kewafatan Saidina Ali bin Abi Talib, khalifah Islam yang keempat.²³

Ramai di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. telah melakukan fatwa yang terdiri dari lelaki dan perempuan. Ibn al-Qaiyim²⁴ dan Husnain Muhammad Makhluf²⁵ menyatakan lebih daripada seratus tiga puluh orang para

sahabat telah mengeluarkan fatwa tentang hukum syarak. Para sahabat yang mengeluarkan fatwa boleh dibahagi kepada tiga keadaan mengikut banyaknya fatwa yang mereka lakukan, iaitu;

1. Yang banyak mengeluarkan fatwa. (*المكثرين*)
2. Yang pertengahan mengeluarkan fatwa. (*المتوسطون*)
3. Yang sedikit mengeluarkan fatwa. (*المقلين*)

Para Sahabat yang terkenal yang banyak mengeluarkan fatwa ialah seperti Umar ibn al-Khattab, Ali Abi Talib, Abdullah ibn Abbas dan Abdullah ibn Umar, Aisyah binti Abu Bakar dan Zaid ibn Sabit.

Mereka yang pertengahan mengeluarkan fatwa ialah seperti Abu Bakar as-Siddiq, Ummu Salamah, Anas ibn Malik, Abu Said al-Khudri, Abu Hurairah, Uthman ibn Affan, Abdullah ibn Amr al-As, Abdullah ibn al-Zubair, Abu Musa al-Asha'ri, Sa'd ibn Abi Waqas, Salman al-Farisi, Jabir ibn Abdullah, Muaz ibn Jabal, Talhah, Zubair, Abdul Rahman ibn Auf, Amran ibn Husain, Abu Bakrah, Ubadah ibn Samit dan Muawiyah ibn Abi Sufyan.

Di antara mereka yang terkenal mengeluarkan fatwa yang sedikit ialah seperti Abu Darda', Abu Salamah al-Makhhzumi, Abu Ubaidah al-Jarrah, Hassan dan Hussien ibn Ali, Ubai ibn Ka'ab, Abu Zar, Safiyyah, Hafsa, Ummu

Habibah, Maimunah, Usamah ibn Zaid, al-Barra' ibn Azib, Al-Mikdad ibn al-Aswad, Sahl ibn Sa'du al-Saiedi, Asmak binti Abi Bakar, Huzaifah ibn al-Yaman, Amrun ibn al-As, Sa'd ibn Muaz, Sa'd ibn Ubadah, Hassan ibn Sabit, Muhammad ibn Muslamah, Khalid ibn al-Walid, Rafik ibn Khuday, Fatimah al-Zahra', Bilal, al-Abbas ibn Abdul al-Mutallib dan lain-lain.

Para sahabat tidak mengeluarkan fatwa sebarangan tanpa disandarkan kepada al-Quran al-Karim dan al-Hadith Rasulullah s.a.w. kerana ia sangat penting bagi pihak yang bertanya supaya puas hati.²⁶

Contohnya semasa pemerintahan Abu Bakar as-Siddiq khalifah yang pertama di dalam pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, beliau akan merujuk sesuatu hukum di dalam al-Quran dan al-Hadith dalam menjalankan tugas pentadbiran negara, sekiranya tidak terdapat hukum tersebut di dalam al-Quran dan al-Hadith, beliau akan merujuk masalah tersebut kepada para sahabat yang mengetahui maklumat-maklumat tersebut dari al-Quran dan al-Hadith, sekiranya para sahabat juga tidak mengetahuinya maka beliau akan melakukan ijtihad untuk mengeluarkan fatwa mengenai sesuatu hukum dan fatwa tersebut akan menjadi hukum yang muktamad di bidang kehakiman.²⁷